

# KORBANKAN MASA 15 MINIT

MM 20 MAR 1983

Oleh Razak Rashid Ghows

**K**UALA LUMPUR 19 Mac — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan kakitangan kerajaan mengorbankan 15 minit dari masa mereka khas untuk masyarakat dan negara.

"Ini dapat dilakukan dengan datang ke pejabat pada masa yang ditetapkan, tetapi pulang 15 minit lebih lewat," katanya.

"Ini adalah sebagai khidmat rela kita kepada masyarakat dan negara. Insya-Allah kita semua akan mendapat nikmat daripadanya," kata Perdana Menteri disambut dengan tepukan gemuruh oleh 10,000 orang kakitangan kerajaan yang menyertai upacara pelancaran kempen Kepimpinan Melalui Tauladan.

Upacara tersebut dilangsungkan di Stadium Tun Abdul Razak di sini yang disiarkan oleh RTM secara terus menerus ke seluruh negara.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir menjelaskan: "Syor saya ini adalah syor sahaja dan tidak ada paksaan dalam perkara ini," disambut dengan gelak ketawa.

Beliau berkata oleh kerana amalan ini adalah amalan yang baik, beliau yakin negara dan masyarakat tidak akan dihampakan.

"Kita perlu ingat bahawa ikrar kita belum dapat dipenuhi jika kita memberi khidmat percuma ini saja. Banyak lagi yang perlu diamalkan oleh kita supaya ikrar yang dibuat ini mempunyai makna," katanya.

boleh menimbulkan keraguan tentang sikap, kita ketepikan sahaja," tegasnya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa setiap orang mempunyai kebolehan yang istimewa dan kebolehan ini boleh dicanai melalui amalan yang berturut-turut.

Beliau menyeru kakitangan kerajaan berusaha dan jangan hanya puas hati dengan sesuatu yang boleh dibuat.

Katanya, mereka perlu meningkatkan kebolehan sepanjang masa melalui penyelidikan, pelajaran dan amalan.

"Kualiti mesti dijadikan matlamat kita kerana kualiti membawa manfaat kepada kita dan masyarakat," kata Perdana Menteri.

Beliau mengingatkan bahawa kerja dan urusan kerajaan tidak boleh diserahkan kepada seorang sahaja dan ini mengakibatkan ramai yang akan terlibat dengan penguru-

Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad juga menegaskan bahawa semua kakitangan kerajaan harus bekerja bukan setakat upahan yang diterima tetapi perlu berusaha lebih dari itu untuk bangsa, negara dan Tuhan yang telah memberi banyak nikmat.

"Janganlah kita terlalu berkira dengan titik peluh tetapi hendaklah kita jalankan tugas, kerana ini adalah sumbangan kepada masyarakat dan negara," kata Perdana Menteri.

Beliau menegaskan nikmat yang didapati dari sebuah negara yang stabil dan yang aman damai tidak boleh dilupakan "bahkan patut kita sedar, insaf dan bersyukur kerananya."

Kakitangan-kakitangan kerajaan di semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak juga telah melafazkan ikrar "Kepimpinan Melalui Tauladan" serentak pagi ini. Perdana Menteri sendiri telah mengetuai lebih 10,000 kakitangan di dalam pembacaan ikrar di Stadium Tun Razak di sini.

Dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir berkata bahawa sebagai petanda ikrar yang dilafazkan pagi ini datang dari hati yang suci dan dibuat dengan ikhlas, kakitangan kerajaan perlulah membuktikan pegangan kepada ikrar tersebut dan membuat pengorbanan.

Datuk Sri Dr. Mahathir mengingatkan bahawa ikrar tersebut bagaimanapun masih belum dapat dipenuhi walaupun khidmat percuma itu diberi.

Dalam hubungan itu, beliau merayu kepada semua pihak, sama ada dalam kerajaan atau dalam firma swasta supaya mengurangkan tabiat syak wasangka dan tuduh menuduh.

Menurutnya, dalam negara Malaysia yang berbilang kaum ini, rakyat tidak dapat elak dari bercampur gaul di antara kaum semasa bekerja.

"Adalah lebih baik bagi semua pihak jika kita semua cuba mengurangkan perbuatan diskriminasi dan jika berlaku sedikit sebanyak perbuatan yang

san pentadbiran.

Tambahnya, jika anggota kerajaan tidak boleh dipercayai, maka akan hancurlah kerajaan dan "akan wujudlah anarki yang akan mengancam diri kita sendiri."

Datuk Sri Dr. Mahathir juga mengingatkan kakitangan kerajaan, sama ada berpangkat tinggi atau rendah supaya jangan menyalahgunakan kuasa.

Katanya, Kepimpinan Melalui Tauladan yang baik adalah cara yang berkesan sekali bagi menentukan kebaikan diamal oleh semua sebab "tidak ada kebaikan dari tabiat bercakap lain dan membuat lain."

Ikrar pula, katanya tidak bermakna melainkan ia diamalkan.

Beliau menegaskan bahawa acara pagi ini yang melibatkan pegawai dan kakitangan kerajaan akan menjadi contoh kepada pihak swasta.